

UCAPAN Y.A.B. DATUK HUSSEIN ONN,  
PERDANA MENTERI, DI UPACARA  
MERESMIKAN KEJOHANAN PERBAHASAN  
PERINGKAT AKHIR ANTARA SEKOLAH-  
SEKOLAH BERASRAMA PENUH YANG  
KETIGA DI ODITORIUM BESAR, WISMA  
RADIO, ANGKASAPURI, PADA 12HB  
JUN, 1976, JAM 9.00 MALAM.

Yang Berbahagia, Pengerusi Pertandingan  
Perbahasan,

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Induk  
Pertandingan Bahas,

Y.A.B. Dr. Mahathir Mohamed, Timbalan  
Perdana Menteri,

Y.B. Menteri-Menteri,

Saudara-saudara sekalian,

---

Majlis yang permai ini merupakan  
Kejohanan Perbahasan Tahun Ketiga, Piala  
Perdana Menteri antara Sekolah-Sekolah  
Berasrama Penuh, yang kita warisi dari  
hasrat suci Allahyarham Tun ~~Haji~~ Abdul Razak,  
Perdana Menteri yang dikasihi. Saya merasa

gembira kerana dapat bersama-sama dalam majlis ini, dan penghormatan meresmikannya.

2. Sejak Pertandingan ini dimulakan dua tahun yang lalu, kemajuan yang dicapai jelas kelihatan. Bilangan sekolah yang menyertainya semakin bertambah. Demikian juga, bidang perbincangan telah diperluaskan meliputi perbincangan dalam Bahasa Inggeris di antara sekolah yang beraliran Melayu, dengan sekolah yang beraliran Inggeris. Mutu perbincangan juga, seperti yang dikatakan oleh Datuk Abdullah Ahmad tadi, telah meningkat dari tahun ke tahun.

3. Saya yakin dengan usaha yang lebih giat, serta sokongan dan kerjasama oleh semua pihak, hasrat dan cita-cita suci Allahyarham Tun Abdul Razak menjadikan pelajar-pelajar kita, fasih bertutur dan bijak mengeluarkan buah fikiran, akan tercapai. Begitu juga akan wujud kelak di negara kita, golongan jaguh-jaguh bahas, pemidato serta pensyarah yang handal, dari kalangan pelajar-pelajar sekolah dari jenerasi muda.

Saudara-saudara sekalian,

4. Antara finalist malam ini, ialah Sekolah Menengah Sains, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Saya gembira melihat perkembangan dan kemajuan

yang menggalakkan dalam jurusan pelajaran sains dan teknologi di negara ini. Memanglah menjadi dasar Kerajaan menitik-beratkan usaha di bidang ini, dengan harapan untuk menambah bilangan pelajar Bumiputra dalam bidang sains dan teknologi. Dengan tujuan ini, Kerajaan telah menambahkan bilangan Sekolah-Sekolah Menengah Sains supaya memberi peluang serta kemudahan yang lebih banyak kepada pelajar-pelajar kita, khususnya dari kawasan luar bandar.

5. Semasa di Kementerian Pelajaran dulu, saya sendiri amat berminat serta melibatkan diri secara aktif, dengan penubuhan Sekolah-Sekolah

Menengah Sains, dan sangat puas hati dengan kejayaan setakat ini. Saya berharap Sekolah-Sekolah ini, akan dapat menambahkan bilangan pelajar Bumiputra melanjutkan pelajaran ke Pusat-Pusat Pelajaran Tinggi, baik di dalam dan di luar negeri, supaya lebih ramai pelajar-pelajar kita yang berkelayakan dapat dikeluarkan, demi kepentingan negara, sekarang dan masa hadapan.

Saudara-saudara sekalian,

6. Dengan izin Allah, <sup>pada</sup> bulan depan, saya akan melancarkan Rancangan Malaysia Ketiga, yang menyambung pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru adalah tanggungjawab semua pihak, termasuklah kaum pelajar, lebih-lebih lagi mereka yang terpilih memasuki sekolah berasrama penuh dalam jurusan sains, ~~seperti Kolej Melayu dan Sekolah Menengah Sains.~~

7. Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa ingat, bahawa harapan ibu bapa dan rakyat amatlah tinggi, agar mereka berjaya sepenuhnya untuk memenuhi keperluan masa kini, dan lebih-lebih pula di masa depan. Adalah hasrat kita agar jenerasi pelajar yang ada sekarang ini, membentuk angkatan tenaga mahir dalam bidang sains dan teknologi bagi mengisi kekosongan

yang semakin meningkat, di samping mewujudkan perseimbangan tenaga kaum Bumiputra dalam bidang ini.

8. Mengambil kesempatan ini, saya sukalah menyeru semua kaum pelajar, baik yang di sekolah menengah, mahupun di pusat pelajaran tinggi, supaya melipat-gandakan usaha, menggunakan sepenuhnya peluang dan kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan, bagi melengkapkan diri dengan pengetahuan ilmiah, dan seterusnya menyumbangkan khidmat dan tenaga demi kepentingan rakyat dan negara. Bersedialah untuk mengambil peranan itu.

9. Pada hemat saya, kejayaan cemerlang hanya boleh dicapai sepenuhnya, jika kaum

pelajar menunjukkan rasa tanggungjawab serta  
disiplin yang tinggi, pada setiap masa.

Mereka mestilah mempunyai cita-cita yang  
tinggi <sup>dan</sup> menentang sebarang cabaran yang  
cuba mempengaruhi jiwa mereka. Mereka  
hendaklah menguatkan azam untuk menentang  
segala rintangan yang boleh melemahkan  
semangat. Teruskan pelajaran ke peringkat  
yang lebih tinggi. Inilah cabaran dan  
dukaan yang mesti dihadapi dan diatasi,  
demi kepentingan masa depan negara dan  
bangsa kita.

10. Dalam hubungan ini, saya sukalah  
menyeru kepada ibu bapa atau penjaga, supaya

lebih berhati-hati mengawasi kegiatan anak-anak,  
serta mengkaji kemajuan pelajaran anak-anak  
 dari masa ke masa. Ini merupakan tanggungjawab  
 dan kewajiban guru-guru, murid dan juga  
 ibu bapa. Ketiga-tiga pihak<sup>ini</sup> perlu memainkan  
 peranan masing-masing, untuk menjamin masa depan  
 yang cemerlang bagi jenerasi akan datang.

11. Prinsip Rukunegara dan semangat  
<sup>ke-igama-an</sup> keigamaan, sesungguhnya hendaklah menjadi  
pegangan dan panduan hidup dalam masyarakat  
 yang kompleks dan berbilang bangsa, bagi  
menekekalkan perpaduan di negara ini.

Saudara-saudara sekalian,

12. Saya sedar guru-guru yang berkhidmat di sekolah-sekolah berasrama penuh, atau sekolah Menengah Sains, mempunyai tugas yang lebih dari guru-guru di sekolah biasa. Di samping mempasti serta meninggikan kejayaan akademik pelajar-pelajar, guru-guru di sekolah ini juga dikehendaki memberi asuhan perwatakan kepada murid-murid mereka.
13. Dengan adanya pula peraturan baru, iaitu sistem Penjaga atau Mentor di mana tiap-tiap seorang guru di Sekolah Berasrama Penuh, atau Sekolah Menengah Sains, bertugas sebagai ibu bapa merangkap Penjaga kepada

15 orang pelajar, maka tanggungjawab guru-guru ini terhadap menentukan kemajuan pelajaran dan pembentukan watak pelajar-pelajar di bawah jagaan mereka, telah bertambah. Bagaimanapun, saya harap guru-guru ini akan menerima tanggungjawab yang lebih itu dengan penuh kesedaran bahawa, sumbangan mereka itu adalah untuk kebaikan dan kesejahteraan anak-anak bangsa mereka.

14. Seperti kita sedia maklum, pelajar-pelajar yang belajar di sekolah-sekolah ini adalah berjauhan dari rumah tangga mereka. Lingkungan umur mereka yang muda itu, merupakan peringkat penting dalam proses pembentukan

akhlak dan asuhan rohani mereka. Oleh itu, sistem Penjaga atau Mentor yang sedang diperkenalkan di beberapa buah sekolah berasrama penuh, adalah satu langkah yang wajar dan perlu diperluaskan ke semua sekolah berasrama penuh, Sekolah Menengah Sains dan juga di Maktab-Maktab Rendah Sains MARA.

15. Saya menekankan perkara ini kerana saya ingin melihat pelajar-pelajar yang menerima didikan di sekolah dan Maktab Rendah ini, kelak menjadi golongan intelek yang terkemuka, bukan sahaja kerana pelajaran mereka yang tinggi, bahkan, yang lebih penting, ialah sikap dedikasi dan kejujuran, hasil dari asuhan di sekolah-sekolah itu, akan menguatkan semangat

dan kemahuan mereka untuk berkhidmat kepada bangsa dan negara.

16. Oleh yang demikian, pada hemat saya, perlulah bagi sekolah dan Maktab Rendah, bukan sahaja mempunyai bilangan guru yang sesuai, tetapi juga guru-guru yang benar-benar mempunyai semangat pendidikan tulin dan penuh dedikasi, supaya sistem Penjaga atau Mentor ini dapat berjalan dengan berkesan.

17. Saya juga ingin melihat Kementerian Pelajaran mengadakan kemudahan atau insentif yang lebih, untuk menarik minat guru-guru yang bertugas di sekolah-sekolah seperti ini, untuk memikul tugas dan tanggungjawab yang

berlebihan itu. Mengadakan kemudahan perumahan dalam kawasan sekolah atau kawasan-kawasan yang berhampiran, akan melicinkan lagi pelaksanaan sistem ini. ~~Mungkin juga dapat ditimbangkan bayaran elaun khas kepada guru-guru yang menjalankan tugas itu.~~


18. Saya lebih suka jika kita dapat mewujudkan tenaga pengajar atau pendidik khas dalam bidang ini, yang boleh digunakan untuk melahirkan golongan intelek yang bersemangat dan berhemah tinggi, yang dapat memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan bangsa dan negara.

Saudara-saudara sekalian,


19. Dengan hasrat dan harapan inilah,  
saya dengan sukacitanya meresmikan Kejohanan  
Perbahasan Peringkat Akhir antara Sekolah-  
Sekolah Berasrama Penuh ini.

Terima kasih.

---



PERKEMBANGAN  
KIS PERDANA MENTRI



Surat-Surat Sekeloa

19. Dengan surat dan tarikh ini

aya dengan sukacitanya merestui

Perubahan Peringkat Akir antara

Sekolah Bersewa Temu ini

Terima kasih.

**PERKHIDMATAN  
ARKIB PERDANA MENTERI**



No. Siri .....	196
No. Penerimaan .....	13/78

29/76  
JUL 1978